

0933

B 8815 BAH  
MAHATHIR - YAKIN (ULANGAN DENGAN PEMBEULAN)

MELAKA, 17 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN BARISAN NASIONAL MENCAPAI KEMENANGAN 100 PERATUS DI NEGERI MELAKA DALAM PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, SEKIRANYA KETUA PEMBANGKANG ENCIK LIM KIT SIANG BERANI BERTANDING DI SINI (KOTA MELAKA), BELIAU AKAN MENERIMA KEKALAHAN TERUK.

+TETAPI DENGAR KHBARNYA, ENCIK LIM AKAN LARI KE PULAU PINANG KERANA DIA TAHU DIA TIDAK BERKHIDMAT DAN TELAH PUN KALAH DI KERUSI NEGERI (BANDAR HILIR),+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

KATANYA, WALAUPUN ADA ORANG MENGATAKAN ENCIK LIM SEPATUTNYA DIBERI KEMENANGAN KERANA MENJADI KETUA PEMBANGKANG, SEBENARNYA PERANAN ITU TIDAK SEMATA-MATA SETAKAT BERCAKAP DI PARLIMEN SAHAJA.

+APABILA PIHAK KERAJAAN MENJAWAB HUJAH-HUJAHNYA, BELIAU TIDAK ADA DI DALAM DEWAN,+ KATANYA. -- LAGI.  
2109MST 17 07 86

D888

B 8808 BAH  
MAHATHIR - YAKIN 2 MELAKA

MENGENAI URA-URA KETUA MENTERI PULAU PINANG DR. LIM CHONG EU UNTUK BERTANDING SEMULA, BELIAU MENYAMBUK BAIK HASRAT ITU KERANA, KATANYA, DR. LIM BENAR-BENAR BERKHIDMAT.

KATANYA, BAGAIMANAPUN, PERKARA ITU MERUPAKAN SOAL DALAM PARTI GERAKAN DAN TERPULANGLAH KEPADA PARTI BERKENAAN.

MENGENAI JAWATAN KETUA MENTERI PULAU PINANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, PERKARA ITU AKAN DITENTUKAN SELEPAS PILIHAN RAYA.

SEMASA MENYENTUH PEMBAHAGIAN KERUSI, BELIAU YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL BERKATA, URUSAN ITU AKAN SELESAI APABILA PILIHAN RAYA DIUMUMKAN.

KATANYA, SEBELUM PILIHAN RAYA, AGAK SUKAR SEDIKIT UNTUK MEMUASKAN HATI SEMUA PARTI KOMPONEN TERMASUK UMNO SENDIRI.

MENGENAI MANIFESTO BN, BELIAU BERKATA, IA AKAN DIUMUMKAN SEBAIK-BAIK SAHAJA SIAP. -- BERNAMA.

1956MST 17 07 86